



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JULY 2017

## PSM tolak

Dr. M jadi PM

um - 1/7/2017 pg. 6

**KUALA LUMPUR 30 Jun** - Parti Sosialis Malaysia (PSM) menolak Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri jika pembangkang berjaya memenangi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Dr. Mohd. Nasir Hashim berkata, pembangkang boleh memilih sesiapa sahaja untuk dinamakan sebagai Perdana Menteri namun bukan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berusia 91 tahun itu.

Jelas beliau, walaupun Dr. Mahathir telah menggunakan pendekatan berbeza sejak menyertai blok pembangkang, namun baginya penolakan tersebut dibuat kerana 'ada sesetengah perkara yang sukar untuk diubah'.

"Jika anda bertanya saya, lebih baik bukan Dr. Mahathir. Beliau memiliki sejarah lampau dan tidak mudah untuk seseorang berubah walaupun pada usia seperti beliau.

"Ketika ini, setiap kali beliau membuka mulutnya (bercakap), boleh diumpamakan seperti menampar mukanya sendiri. Kerana apa yang beliau katakan tentang orang lain, perkara itu pernah dilakukan beliau sebelum ini," katanya seperti dipetik portal Berita Daily hari ini.

Mohd. Nasir yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1987 menambah, pembangkang hanya membuang masa apabila menamakan calon Perdana Menteri mereka kerana perkara utama ketika ini adalah berkhidmat untuk rakyat.

Walau bagaimanapun, beliau enggan menamakan calon Perdana Menteri pilihannya kerana PSM belum mencapai konsensus tentang siapa yang perlu mengetuai pembangkang untuk berdepan pilihan raya umum nanti.

"Mengapa mereka (pembangkang) sibuk berfikir tentang siapa yang perlu menjadi Perdana Menteri?

"Bekerja untuk rakyat dahulu. Apabila mereka sudah terima anda, pada masa itulah anda akan dipilih. Bila sudah menang, barulah masa yang sesuai untuk pilih siapa layak jadi Perdana Menteri," katanya.